

145  
SOALAN NO: 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM

TARIKH: 7 MAC 2018

SOALAN:

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]**  
minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah mekanisme yang telah digunakan bagi memberikan penjelasan kepada masyarakat mengenai kepentingan Skim Insurans Pekerjaan (SIP).

PR-1361-L05262

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) merupakan skim baharu yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berkuatkuasa mulai 1 Januari 2018. SIP merupakan skim perlindungan tambahan kepada pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan bagi menggantikan pendapatan yang hilang, menyediakan latihan *reskilling* dan *upskilling* kepada pekerja untuk mendapatkan pekerjaan baharu serta menyediakan perkhidmatan carian pekerjaan supaya mereka mendapat pekerjaan yang sesuai dengan lebih cepat.
2. Bagi memberikan penjelasan yang jelas kepada masyarakat mengenai kepentingan SIP, PERKESO telah mengadakan sesi libat urus bersama *stakeholders* yang melibatkan kesatuan sekerja dan persatuan majikan menerusi program *roadshow* di 17 buah lokasi diperingkat negeri di seluruh negara secara percuma yang telah dihadiri lebih daripada 6,000 peserta.
3. PERKESO turut melaksanakan program publisiti secara aktif melalui hebahan di media massa seperti di TV Bernama, TV1, TV3, TV9, dan stesen radio KLFM, Nasional FM, Minnal FM, Ai FM, Suria FM dan BFM 89.9, Traxx FM, Slot Selamat Pagi Malaysia, sidang media dan kenyataan akhbar.

4. Penggunaan media cetak seperti kenyataan-kenyataan akhbar, pengiklanan dan ruangan advertorial dalam akhbar-akhbar The Star, Berita Harian, Harian Metro, Nanyang Siang Pao dan NST termasuk pengurusan acara di semua pejabat PERKESO seluruh negara yang mendapat liputan meluas semua media massa.
5. Selain itu juga, PERKESO turut menerbitkan risalah dan klip-klip video menerusi laman sesawang (*website*), *Facebook*, *YouTube*, *WhatsApp* dan *Instagram*. Hebahan dan edaran ‘pekeliling’ kepada majikan yang layak di portal PERKESO serta di pejabat-pejabat PERKESO seluruh negara turut dilaksanakan.